

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN WONG HON HAI [BUKIT BENDERA]**

**TARIKH : 16.07.2019 ( SELASA )**

**SOALAN NO. 45**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah pencapaian untuk mendapat balik aset skandal 1MDB dari dalam negara dan negara luar serta apakah usaha yang sedang dibuat.

**JAWAPAN: YB TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN  
TIMBALAN MENTERI DI JPM**

Yang di-Pertua,

1. Pada bulan Ogos 2018 dan Mac 2019, Mahkamah Singapura telah memerintahkan supaya sejumlah kira-kira SGD50 juta wang yang dikesan asalnya daripada 1MDB dipulangkan kepada Malaysia. Wang ini telah dikreditkan ke dalam Akaun Pemulihan Aset 1MDB yang telah ditubuhkan untuk mendapatkan semula wang 1MDB atau aset yang telah dibeli menggunakan wang 1MDB untuk membayar hutang 1MDB.
2. Pada bulan April 2019, Jabatan Keadilan Amerika Syarikat (“DOJ”) telah menyerahkan USD57,036,688.68 kepada Malaysia. Jumlah ini dilucutahkan daripada Red Granite Pictures dan berbangkit daripada penyelesaian USD60 juta, selepas ditolak kos DOJ dan Biro Penyiasatan Persekutuan (FBI) untuk menyiasat dan menyita kumpulan wang Red Granite, dan kos perbicaraan dan penyelesaian berhubungan dengannya, dan untuk menahan dan menyelenggara Equanimity semasa kapal tersebut

**ditanah di Indonesia.** Wang berjumlah **USD57,036,688.68** tersebut telah dikreditkan ke dalam Akaun Pemulihan Aset 1MDB.

3. Selanjutnya, pada bulan Mei 2019 DOJ telah menyerahkan USD137,283,889.95. Jumlah ini merupakan hasil daripada penjualan kepentingan Jho Low dalam Hotel Park Lane di Manhattan sebanyak USD139 juta, selepas ditolak kos yang ditanggung oleh DOJ daripada penyiasatan sehingga penyelesaian aset. Wang berjumlah USD137,283,889.95 tersebut telah dikreditkan ke dalam Akaun Pemulihan Aset 1MDB.

4. Harga belian penuh Equanimity berjumlah USD126 juta telah dibayar penuh ke dalam akaun pemegang taruh yang telah dilantik pada 23 April 2019. Mengikut undang-undang, Mahkamah Admiralti akan dipohon, apabila tamatnya tempoh sembilan puluh hari dari tarikh pembayaran hasil jualan, untuk membuat penentuan mengenai penetapan kos Sherif dan penentuan keutamaan untuk pembayaran daripada hasil jualan. Hanya selepas Perintah Mahkamah ini dikeluarkan barulah wang akan dikreditkan ke dalam Akaun Pemulihan Aset 1MDB.

5. Pada bulan Mei 2018, Kerajaan telah memfailkan permohonan pelucuthakan sivil di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 [Akta 613] terhadap bekas Perdana Menteri dan tujuh belas yang lain, bertujuan untuk melucuthakkan pelbagai aset yang dianggarkan bernilai kira-kira lebih RM133 juta. Prosiding mahkamah berhubung dengan permohonan pelucuthakan sivil ini masih lagi berjalan.

6. Pada bulan Mac 2019, permohonan pelucuthakan sivil di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 juga telah difailkan untuk melucuthakkan wang dalam pelbagai akaun bernilai kira-kira RM48 juta. Prosiding mahkamah berhubung dengan permohonan pelucuthakan sivil ini masih lagi berjalan.

7. Baru-baru ini, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia telah memfailkan empat puluh satu permohonan pelucutahan sivil di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 terhadap pelbagai entiti dan individu, bertujuan untuk mendapatkan semula RM270 juta wang yang dikesan asalnya daripada 1MDB. Ini merupakan tambahan kepada sejumlah lebih RM20 juta yang dikesan asalnya daripada 1MDB yang telah dipulangkan oleh pelbagai entiti secara sukarela kepada 1MDB melalui Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia. Jumlah wang lebih RM20 juta ini juga telah dikreditkan ke dalam Akaun Pemulihan Aset 1MDB.
8. Usaha untuk mengesan dan mendapatkan semula aset lain yang dikesan asalnya daripada 1MDB di dalam dan di luar negara masih lagi berjalan.

Sekian, terima kasih.